



“KEWAJIPAN MEMILIH PEKERJAAN YANG HALAL”.1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثِيَ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً ۖ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾¹</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ۖ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Mimbar Jumaat pada hari ini menyeru sidang Jumaat sekalian, marilah kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT, dengan bersungguh-sungguh melaksanakan perintah-Nya dan bersungguh-sungguh meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan kita semua selamat dari murka dan azab neraka Allah SWT.</p>	5
<p>Marilah kita menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk “KEWAJIPAN MEMILIH PEKERJAAN YANG HALAL”.</p> <p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</p>	6
<p>Islam amat menggalakkan umatnya bekerja dan berusaha mencari rezeki sebagai memenuhi tuntutan dan tanggungjawab kehidupan di dunia ini.</p> <p>Firman Allah SWT dalam surah At-Taubah ayat 105:</p> <p>وَقُلِ اعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ ۖ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾</p>	7

¹ Al-Hujuraat : 10



<p>Bekerja mencari rezeki adalah sesuatu yang disukai oleh Allah SWT. Ia sebagaimana yang diterangkan melalui hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah Bin Umar Radiallahu Anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُؤْمِنَ الْمُحْتَزِفَ</p> <p style="text-align: center;">“Sesungguhnya Allah mencintai seorang Mukmin yang giat bekerja”. (Riwayat al-Tabrani).</p>	8
<p>Apa sahaja pekerjaan yang dilakukan oleh manusia di atas muka bumi ini pasti tidak akan terlepas daripada perhitungan Allah SWT. Mereka akan dipersoalkan satu demi satu semua pekerjaan yang mereka lakukan di dunia ini.</p>	9
<p>Ini dijelaskan melalui sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Mas’ud Radiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">لَا تَزُولُ قَدَمُ ابْنِ آدَمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ عِنْدِ رَبِّهِ حَتَّى يُسْأَلَ عَنْ خَمْسٍ، عَنْ عُمُرِهِ فِيمَ أَفْنَاهُ، وَعَنْ شَبَابِهِ فِيمَ أَبْلَاهُ، وَمَالِهِ مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ وَفِيمَ أَنْفَقَهُ، وَمَاذَا عَمِلَ فِيمَا عَلِمَ</p>	10
<p>“Tidak akan bergerak kaki seorang manusia dari sisi Allah pada hari kiamat (nanti), sampai dia ditanya tentang lima (perkara): tentang umurnya, untuk apa dihabiskan?. Tentang masa mudanya, untuk apa digunakan? Hartanya, dari mana diperoleh dan kemana dibelanjakan? Ilmunya, bagaimana dia amalkan ilmunya?” (Riwayat al-Tirmizi)</p>	11
<p>Syariat Islam telah membahagikan jenis pekerjaan kepada dua bahagian iaitu pekerjaan yang halal dan pekerjaan yang haram. Menurut Prof. Dr. Yusuf Al-Qardawi bahawa perkara yang halal itu ialah setiap perkara yang diharuskan dan diberi keizinan oleh syarak untuk melakukannya. Manakala perkara yang haram pula ialah yang ditegah oleh syarak kerana ia akan mendapat balasan buruk di akhirat, bahkan ada kalanya di dunia ini lagi.</p>	12



<p>Sesuatu pekerjaan itu sama ada halal atau haram selagi mana ia dilakukan dengan bersungguh-sungguh, pasti akan mendatangkan hasil yang lumayan. Bahkan tidak dinafikan juga, dalam keadaan ekonomi pada hari ini yang masih tidak stabil, manusia sanggup melakukan apa sahaja demi mendapatkan wang ringgit dan harta kekayaan. Namun sebagai seorang yang beriman, kita wajib memikirkan tentang dosa dan pahala serta kesan buruk akibat daripada sikap tidak berhati-hati memilih sesuatu pekerjaan. Janganlah kita hanya memikirkan keuntungan duniawi semata-mata, sedangkan pada hakikatnya keuntungan yang kita perolehi itu tidak membawa sebarang keberkatan bahkan sebaliknya akan mendatangkan bencana pula di hari akhirat kelak.</p>	13
<p>Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>يَأْتِي عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ، لَا يُبَالِي الْمَرْءُ مَا أَخَذَ مِنْهُ، أَمِنَ الْحَلَالَ أَمْ مِنَ الْحَرَامِ</p> <p><i>“Akan datang satu zaman ke atas umatku di mana seseorang itu tidak peduli apa yang diusahakannya sama ada daripada yang halal atau pun haram”.</i> (Riwayat al-Bukhari).</p>	14
<p>Allah SWT tidak akan melepaskan hamba-Nya daripada seksaan di hari akhirat kelak sekiranya harta benda yang dimilikinya ketika di dunia ini terhasil daripada pekerjaan yang tidak halal. Oleh itu, sebagai seorang yang beriman kita dilarang terlibat dengan pekerjaan-pekerjaan yang berkaitan dengan arak, judi, riba, pelacuran dan sebagainya yang bercanggah dengan syariat. Pekerjaan seperti ini sekalipun mendatangkan hasil yang lumayan, namun tidak akan mendapat keberkatan di sisi Allah SWT</p>	15
<p>Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik Radiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ فِي الْخَمْرِ عَشْرَةَ: عَاصِرَهَا، وَمُعْتَصِرَهَا، وَشَارِبَهَا، وَحَامِلَهَا، وَالْمَحْمُولَةَ إِلَيْهِ، وَسَاقِمَهَا، وَبَائِعَهَا، وَآكَلَ ثَمَنَهَا، وَالْمُشْتَرِيَ لَهَا، وَالْمُشْتَرَاةَ لَهَا</p>	16



<p><i>“Rasulullah SAW telah melaknat sepuluh golongan yg terlibat dengan arak, orang yang memerah arak, orang yang diminta arak diperah untuknya, orang yang meminumnya, orang yang membawanya, orang yang meminta dibawa arak kepadanya, orang yang memberi minum arak kepada orang lain, orang yang menjual arak, orang yang mendapat hasil daripada arak, orang yang membeli arak, orang yang meminta dibelikan arak untuknya”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Tirmizi).</i></p>	17
<p>Ingatlah bahawa makanan dan minuman hasil daripada pendapatan yang haram akan membawa padah kepada tuannya pada hari akhirat nanti. Sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah Radiallahu Anhuma bahawa Nabi SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ لَحْمٌ نَبَتَ مِنْ سُحْتٍ، النَّارُ أَوْلَىٰ بِهِ</p> <p><i>“Tidak akan masuk syurga tubuh badan yang membesar dengan sumber yang haram, maka nerakalah lebih baik baginya”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Hakim).</i></p>	18
<p>Ini menunjukkan bahawa memperoleh hasil sumber rezeki yang tidak jelas halalnya dan memakan makanan yang haram akan memberi kesan terhadap tubuh badan, amal ibadah dan doa yang dipohon, bahkan mendapat siksaan di akhirat akibat terlalu ambil mudah terhadap sumber pendapatan yang diperolehi.</p>	19
<p>Pada hari ini juga, kita dapati ada sebahagian umat Islam yang terpaksa bekerja di premis-premis yang bercampur dengan pengurusan atau perkhidmatan yang haram. Sebagai contoh, pekerjaan sebagai penjaga bangunan itu adalah halal tetapi barang-barang yang dibawah pengawasannya adalah minuman-minuman yang memabukkan. Begitu juga dengan pekerjaan sebagai tukang masak itu adalah baik dan halal tetapi cara pengendalian masakannya dengan mengenyepikan aspek-aspek kebersihan dan kandungan bahan-bahan yang beracun hingga memudaratkan orang yang memakannya. Perbuatan ini akan mengharamkan sumber pendapatannya kerana tidak amanah dan menipu. Justeru, tidak takutkah kita dengan kemurkaan dan siksaan Allah SWT?</p> <p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p>	20



<p>Sesungguhnya pekerjaan yang halal dan baik itu akan mendapat ganjaran yang baik daripada Allah SWT. Ini tidak lain dan tidak bukan adalah sebagai suatu dorongan kepada umat Islam agar memilih pekerjaan yang halal dan diredhai Allah SWT. Antara ganjaran tersebut adalah:</p> <p>1. Kita akan mendapat penghidupan yang baik dan diberkati oleh Allah SWT. Firman-Nya dalam surah Al-Nahl ayat 97 sebagaimana yang disebut di awal khutbah tadi yang bermaksud:</p> <p><i>“Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan”.</i></p>	21
<p>1. Kita juga akan diberikan kedudukan yang mulia di sisi Allah SWT apabila bertemu dengan-Nya di hari akhirat kelak sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Toha ayat 75:</p> <p>وَمَنْ يَأْتِهِ مَوْمِنًا قَدْ عَمِلَ الصَّالِحَاتِ فَأُولَٰئِكَ لَهُمُ الدَّرَجَاتُ الْعُلَىٰ</p> <p><i>“Dan sesiapa yang datang kepada-Nya sedang ia beriman, serta ia telah mengerjakan amal-amal yang soleh, maka mereka itu akan beroleh tempat-tempat tinggal yang tinggi darjatnya”.</i></p>	22
<p>2. Ganjaran besar yang diberikan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya yang melakukan pekerjaan-pekerjaan yang baik ialah penghidupan di syurga berserta rezeki yang melimpah-ruah. Ini bersesuaian dengan firman Allah SWT dalam surah Ghafir ayat 40 yang bermaksud:</p> <p><i>“Sesiapa yang mengerjakan sesuatu perbuatan jahat maka ia tidak dibalas melainkan dengan kejahatan yang sebanding dengannya, dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh - dari lelaki atau perempuan - sedang ia beriman, maka mereka itu akan masuk syurga; mereka beroleh rezeki di dalam syurga itu dengan tidak terhitung”.</i></p>	23
<p>Demikianlah beberapa ganjaran yang disediakan oleh Allah SWT kepada umat Islam apabila mereka melakukan pekerjaan-pekerjaan yang baik dan menjauhi pekerjaan-pekerjaan yang dilarang oleh syariat Islam di dunia ini.</p>	24



<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Mengambil pengajaran daripada khutbah pada hari ini sebagai panduan kita bersama adalah:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam wajib meyakini bahawa memilih pekerjaan yang halal adalah satu kewajipan yang diperintahkan oleh Allah SWT.2. Umat Islam wajib berusaha meninggalkan segala pekerjaan dan sumber pendapatan yang haram.3. Umat Islam wajib mencari rezeki dengan cara yang halal lagi baik dan diniatkan sebagai ibadah kepada Allah SWT.	25
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">يَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَلًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ</p>	26
<p><i>“Wahai sekalian manusia! makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu”. (al-Baqarah : 168)</i></p>	27
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	28
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	29



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
3	Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT, Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh serta berakhlak dengan akhlak Rasulullah SAW. Seterusnya marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.
7	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعِيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحَفِظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَغُورِ،
8	سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالنَّوْفِيقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَغُورِ، تغكو أمير شاه ابنالسُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِعْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.</p>	9
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	10
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.</p>	11
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	12
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩١﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15